

CNS2434

U GB 22-10 00159 BB196

Bah

DR MAHATHIR ULAS LANGKAH FILIPINA

Mahathir - Filipina

ALOR SETAR, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau menyambut baik langkah Filipina mewajudkan pejabat khas bagi menyasat tuntutan ke atas Sabah sekiranya langkah itu bertujuan memperbaiki hubungan dengan Malaysia.

+Kalaupun timbul masalah, kita rasa dukacita jugalah,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen UMNO Kedah di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan mengenai langkah kerajaan Filipina menubuhkan pejabat khas yang antara tujuan utamanya ialah mengkaji isu Sabah dan mencari jalan memperbaiki hubungan Malaysia-Filipina.

Mengenai penduduk Filipina di Sabah, Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak akan menghalang mereka sekiranya mereka hendak pulang ke negara asal.

+Ini yang menjadi masalah kepada kita, jadi apa sebab pulak kita nak dituduh sebagai tidak memberi layanan yang baik. Kalau mereka ingin balik 300, 000 orang Filipino di Sabah boleh balik bila-bila jam,+ katanya. -- Lagi

▼22/10/21-26MST

CNS2435

U GB 22-10 00111 BB197

Bah

Mahathir - Filipina 2 (Akhir) Alor Setar

Beliau berkata yang menjadi masalah kepada Malaysia, apabila dihantar pulang rakyat Filipina ini akan datang semula ke negara ini.

+Jadi nak han tar Konsul untuk jaga kepentingan penduduk Filipina di Sabah. Mereka bukan penduduk Filipina, mereka adalah pendatang haram yang patut balik ke negerimereka,+ katanya.

Mengenai tindakan Malaysia untuk mengatasi masalah itu, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak dapat mengambil apa-apa tindakan selain nrenyantar rakyat Filipina itu pulang.

+Tetapi oleh kerana kita tidak dapat mengawal perairan, maka mereka balik semula. Jadi kalau negara kita tidak begitu baik, tak usah datanglah,+ katanya. -- Bernama

▼22/10/21-27MST